

PLUS ZAHIR KOMITMEN TERHADAP PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

Petaling Jaya, 16 Ogos 2024:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menzhirkan komitmen terhadap agenda kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar apabila sehingga kini PLUS turut menjaga lebih kurang 270,000 pokok termasuk 250,000 kaki persegi tumbuhan renek di sepanjang lebuh raya kendaliannya.

Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, menyatakan bahawa misi PLUS adalah menghubungkan komuniti untuk mencorakkan masa hadapan yang selamat dan lestari, dengan komitmen untuk menyokong aspirasi dan rancangan kelestarian negara melalui operasi lebuh raya yang peka terhadap penjagaan alam sekitar, bertanggungjawab terhadap keperluan sosial serta menegakkan nilai tadbir urus yang baik.

Beliau berkata, "Usaha pemeliharaan alam sekitar PLUS bertujuan memberi pendekatan aktif bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan jejak alam sekitar. Inisiatif kami memanfaatkan teknologi hijau, kecekapan tenaga dan tenaga boleh diperbaharui yang merangkumi pengubahsuaian lebih 37,000 lampu LED sepanjang lebuh raya dan pemasangan sistem PV solar di pejabat dan fasiliti kami. Usaha-usaha ini telah berjaya mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 27 peratus berbanding garis dasar 2017."

"Lebuhraya PLUS juga menghubungkan pelbagai destinasi ekopelancongan yang menarik dalam negara. Oleh itu, saya menggalakkan orang ramai mengambil peluang ini untuk melancong di dalam negara kita yang kaya dengan khazanah alam semula jadi," tambah beliau.

Baru-baru ini, PLUS turut menganjurkan program Pemuliharaan Hutan dan Kesedaran Alam Sekitar yang menampilkan pelbagai agensi yang berkaitan. Program tersebut menampilkan hasil penyelidikan mengenai perhutanan tropika oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), inisiatif pemuliharaan hidupan liar oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), pameran pertanian bandar oleh perusahaan sosial *Eats, Shoots & Roots*, kesedaran mengenai sifat penyembuhan tumbuh-tumbuhan oleh *Little Eden Succulents* yang diterajui oleh usahawan wanita, dan pemeliharaan seni dan kraf tangan berdasarkan alam semula jadi oleh *Global Environment Centre (GEC)* dan Pertubuhan Sahabat Gambut Asli Temuan (SGAT).

Pengisian utama program ini ialah sesi interaksi dan perkongsian antara Bahagian Biodiversiti Hutan FRIM dan warga kerja PLUS dalam meningkatkan kesedaran mengenai pemuliharaan hidupan liar, kepentingan dan cabaran dalam melindungi biodiversiti Malaysia, serta mengenal pasti peluang untuk berkolaborasi.

PLUS sentiasa komited terhadap pengurusan alam sekitar yang baik dan menyokong pembangunan kelestarian negara.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Iskandar Dzulkifli Ketua, Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 019-271 0280 Emel: iskandar@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus, Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---



Ahli Kumpulan UEM

MEDIA RELEASE

FOR IMMEDIATE RELEASE

16 AUGUST 2024

ENVIRONMENTAL PRESERVATION HIGH ON PLUS AGENDA

Petaling Jaya, 16 August 2024:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) revealed that it has nurtured approximately 270,000 trees and 250,000 square meters of shrubs along its expansive network of highways.

PLUS Managing Director, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, shared PLUS' mission to connect communities to shape a safe and sustainable future, committing to support the national sustainability aspirations and plans by operating in an environmentally conscious and socially responsible manner, while upholding good governance.

She further stated, "PLUS' environmental conservation efforts aim to actively reduce greenhouse gas emissions and environmental footprint. Our initiatives leverage green technologies, energy efficiency and harnessing renewable energy which include the retrofitting of over 37,000 LED lights along highways and the installation of solar PV systems across our offices and facilities. These efforts have succeeded in reducing greenhouse gas emissions by 27 percent compared to the 2017 baseline."

"PLUS highways facilitate seamless travel and serve as gateways to numerous captivating ecotourism destinations across the country. Therefore, I encourage everyone to take up this opportunity to explore the beauty of Malaysia's nature firsthand through domestic travel," she added.

During its Forest Conservation and Environmental Awareness program held recently, PLUS hosted an exhibition featuring various related agencies. The exhibition showcased research on tropical forestry by Forest Research Institute Malaysia (FRIM), wildlife conservation initiatives by the Department of Wildlife and National Parks (PERHILITAN), urban farming by the social enterprise Eats, Shoots & Roots, awareness on the healing properties of plants by the women-led Little Eden Succulents, and preservation of nature-based arts and crafts by the Global Environment Centre (GEC) and Pertubuhan Sahabat Gambut Asli Temuan (SGAT).

The program's highlight was an insightful talk and engagement session between FRIM's Forest Biodiversity division and PLUS' employees in raising awareness on wildlife conservation, importance and challenges in protecting Malaysia's biodiversity, as well as exploring potential collaboration opportunities.

PLUS continues to demonstrate its dedication towards environmental stewardship and support the sustainable development of the nation.

-END-

MEDIA QUESTIONS:

Iskandar Dzulkifli Head, Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Phone: 019-271 0280 Email: iskandar@plus.com.my	Rofina Adam Manager, Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Phone: 012-657 4452 Email: rofina@plus.com.my
---	---